



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERKEMBANGAN TEMBIKAR TRADISIONAL PULAU TIGA BOTA, PERAK

ROSLAN B ABDUL RAZAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2008



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku Laporan Projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

29. 09. 2008

Roslan B. Abdul Razak

M20061000175





DECLARATION

I hereby declare that the work in this paper report is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

29. 09. 2008

Roslan B. Abdul Razak

M20061000175



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan keizinanNya dapat saya menghasilkan kertas projek ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Prof. Madya Hj. Mohd. Zahidee b. Arshad yang sentiasa bersedia meluangkan waktu untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya, bermula dengan penulisan tajuk sehinggalah terhasilnya disertasi ini, saya mendapat banyak faedah dan pengetahuan daripada beliau. Untuk ini saya dengan jujur dan ikhlas mengucapkan ribuan terima kasih atas bantuan yang telah diberikan oleh beliau.

Terima Kasih juga saya ucapkan kepada semua pensyarah Fakulti Seni dan Muzik, UPSI dan khasnya kepada pensyarah En. Roskang b. Jalani, Prof. Madya Zulkifli b. Yusoff dan Prof. Madya Hj. Ibrahlim Hassan yang telah mencurahkan ilmu dan bimbingan kepada saya.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Shamsuddin B. Hj. Abdul Majid Pengurus Koperasi Industri Kampung Tanjung Bidara, Pulau Tiga Bota, Perak, Hjh. Jarmiah Bt. Ngah Salam (tokoh pengiat labu Pulau Tiga), Hjh. Zainab. Bt. Yahya, Hjh. Ainon Bt. Hassan dan pembantunya dalam Koperasi Industri. Semoga mereka akan terus berjaya dan maju di masa akan datang.



Istimewa saya rakamkan penghargaan ini buat bonda Rapeah dan bonda mertua Fatimah Bt. Ibrahim. Budi dan jasa mereka hanya Allah yang akan membalasnya. Sekalung budi buat isteri tercinta Rosliani Bt. Chik atas kesabaran dan dorongan yang menjadi kekuatan untuk menyiapkan kajian ini.

Penghargaan dan terima kasih buat rakan yang banyak membantu Rozman, Saiful, Fadli, Tarmizi, Zubir dan rakan-rakan lain yang selalu memberi dorongan dan semangat untuk menyiapkan kajian ini. Semoga Allah melimpahkan rahmat dalam kehidupan kita semua. Akhir sekali, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan kertas projek ini.





ABSTRAK

Seni tembikar yang dihasilkan di Pulau Tiga mempunyai rekaan yang menarik dari segi bentuk, struktur dan corak permukaannya. Bentuk rekaan tembikar Pulau Tiga dibuat dengan cermat, halus dan unik. Penguasaan kemahiran pengusaha yang tersendiri dan pendedahan seni yang sedia ada menjadikan tembikar ini lebih bermutu tinggi. Nilai mutu yang tinggi ini sedikit sebanyak dapat mencerminkan ketekunan dan kesabaran pengusaha seni tembikar Melayu. Pengkajian ini memperlihatkan sejauh mana pandangan dan penilaian masyarakat terhadap segala bentuk kerja seni dalam bidang seni tembikar. Pengkaji cuba mengupas perkembangan yang berlaku di kawasan ini untuk mendapatkan maklumat yang dapat dimanfaatkan bersama, khususnya dari segi pembuatan tembikar, sejarah, sosialisasi dan pasarannya, selain menghurai, menganalisis dan menginterpretasi kerja-kerja seni tembikar di kawasan Kampung Tanjung Bidara, Pulau Tiga, Bota Perak. Pengkajian ini difokuskan kepada aplikasi, teknik dan elemen senireka dalam pengkaryaan tembikar Melayu.





ABSTRACT

Pulau Tiga produces interesting design of ceramic art in terms structure, pattern and shape of the surface. The ceramic products are carefully and uniquely designed. High quality assurance in the design is ensured by skilled manufacturers. Thus, the high in quality resembles patience, and skill of the Malay ceramic art. The research thus, exposes the extend of society's perception and evaluation on all aspects of art work in ceramic art. Furthermore, the researcher elaborates the development of ceramic art in the Pulau Tiga with the intention to gain benefit for all. Specifically, the research focuses on the ceramic production, history, sociology and marketability. Respite, it analyzes, explains and interprets the ceramic art work in Kampung Tanjung Bidara, Pulau Tiga, Bota Perak. The research thus focuses on application, technique and art design in ceramic art.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN.....	i
PENGHARGAAN.....	iii
ABSTRAK.....	v
ABSTRACT.....	vi
KANDUNGAN.....	vii
SENARAI JADUAL.....	x
SENARAI RAJAH.....	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang.....	2
1.3 Persoalan Kajian.....	3
1.4 Batasan Kajian.....	4
1.5 Tujuan Kajian.....	7
1.6 Faedah Kajian.....	8
1.7 Tinjauan Pustaka.....	9
1.8 Landasan Teori.....	10
1.9 Metodologi Kajian.....	11
1.9.1 Reka Bentuk Kajian.....	11
1.9.2 Sample Kajian.....	11
1.9.3 Instrumen Kajian.....	12
1.9.4 Kaedah Menganalisa Data.....	12
1.9.5 Tatacara Pengumpulan Data.....	12
1.10 Rumusan.....	13

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Definisi Tembikar.....	14
2.2 Teknik Pembuatan Tembikar.....	18
2.3 Proses Pembuatan Tembikar.....	22

**BAB 3 GAMBARAN TENTANG KEHIDUPAN MASYARAKAT
PULAU TIGA**

3.1 Pengenalan.....	32
3.2 Sample Kajian.....	38
3.3 Perubahan Sektor Pekerjaan Tradisional Ke Sektor Pekerjaan Upah-Buruh.....	47
3.4 Faktor Penyumbang Kepada Perubahan Kampung.....	50

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Perkembangan Tembikar Pulau Tiga.....	52
4.2 Latar Belakang Tembikar Pulau Tiga.....	56
4.3 Penyediaan Tanah Dan Pembakaran Tembikar.....	60
4.3.1 Kaedah Pembakaran.....	62
4.3.2 Kaedah Membentuk Tembikar.....	65
4.3.3 Kaedah Menghasilkan Motif.....	70
4.4 Potensi Masa Depan Tembikar Pulau Tiga.....	72
4.5 Nilai Seni Dalam Tembikar Pulau Tiga.....	77
4.5.1 Nilai Estetik.....	77
4.5.2 Faktor Pendidikan.....	85
4.5.3 Faktor Pengetahuan Tentang Tembikar.....	86
4.5.4 Faktor Kewangan.....	87





4.6 Penerimaan Masyarakat Terhadap Tembikar Pulau Tiga.....	88
4.6.1 Persaingan.....	89
4.6.2 Kesedaran.....	90

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Rumusan.....	94
5.1.1 Hasil Tinjauan.....	94
5.1.2 Pembaharuan Tembikar Tradisional.....	95
5.2 Cadangan.....	96
5.2.1 Didedahkan Kepada Masyarakat Umum.....	96
5.2.2 Dipertingkatkan Mengikut Perkembangan.....	97
Bibliografi.....	98
Lampiran.....	100





SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Umur responden	40
3.2	Status gunatenaga penduduk kampung Pulau Tiga	41
3.3	Pekerjaan utama responden	42
3.4	Jumlah pendapatan penduduk	43
3.5	Persepsi perubahan pekerjaan dalam tempoh 20-30 tahun	48
3.6	Faktor utama meyumbang kepada perubahan kampung	49
4.1	Respon penduduk setempat terhadap soal selidik yang telah dijalankan tentang tembikar PulauTiga.	93



**SENARAI RAJAH**

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Peta Lokasi.	5
1.2	Papan tanda Pusat Jualan Kampung Tanjung Bidara (Labu Pulau Tiga).	6
2.1	(Sudip) Sebatang kayu digunakan untuk memampat tanah dan tembikar yang masih basah supaya menjadi bentuk yang dikehendaki.	18
2.2	Sebatang buluh nipis dan runcing untuk mengerat lebihan tanah.	19
2.3	Batu Luru/licin digunakan sebagai alat untuk melicinkan permukaan tembikar.	20
2.4	Pinggian Ayan/Piring Capah, berfungsi sebagai roda pemutar.	21
2.5	Mencari tanah yang bersesuaian untuk membuat tembikar.	23
2.6	Mengasingkan tanah dengan benda asing menggunakan ayak.	24
2.7	Membentuk tanah dengan menggunakan piring.	25
2.8	Teknik picitan digunakan untuk membentuk	26
2.9	Melicinkan tembikar dengan batu sungai.	27
2.10	Kayu tekad yang digunakan untuk membuat motif.	28
2.11	Tembikar dalam proses pembakaran.	30
2.12	Tanur yang digunakan dalam pembakaran.	30
2.13	Proses sepuh warna hitam pada tembikar.	31
2.14	Tembikar yang sedia untuk dipasarkan.	31
3.1	Kawasan sekitar Kampung Pulau Tiga.	34





3.2	Masjid di kawasan Pulau Tiga.	34
3.3	Klinik desa Tanjung Bidara yang menjadi tumpuan masyarakat setempat.	45
3.4	Pekerjaan Upah-Buruh yang menjadi sektor penting di sini.	47
3.5	Projek naiktaraf jalan di Kampung Tanjung Bidara.	50
3.6	Jalan raya yang dinaik taraf di kawasan kajian.	50
4.1	Hajah Jarmiah bt. Ngah Salam (Tokoh)	58
4.2	Temuramah bersama tokoh	59
4.3	Mencari tanah yang berkualiti untuk hasilkan tembikar.	60
4.4	Mesyuarat AJK Kraftangan dan Kemas Tanjung Bidara.	61
4.5	Tanur yang digunakan untuk pembakaran.	63
4.6	Tembikar yang telah dibakar.	64
4.7	Mesin Putaran	65
4.8	Proses 'trimming' sedang dilakukan	66
4.9	'Blunger' yang digunakan untuk membancuh slip	67
4.10	Produk yang siap diacukan	67
4.11	Acuan-acuan produk siap untuk dituang slip	68
4.12	Acuan yang dibuka untuk dibersihkan.	68
4.13	Kaedah penggunaan alatan membuat motif.	69
4.14	Motif rekaan flora.	70
4.15	Hajah Jarmiah sedang membuat motif pada labu bunga telur hasil rekaannya.	71
4.16	Kayu nipis yang digunakan untuk membuat motif.	71
4.17	Proses tampal bunga pada tembikar	72





4.18	Produk siap untuk dijual.	73
4.19	Pekerja dibengkel yang sedang membuat kemasan pada produk.	75
4.20	Tempat penjualan tembikar.	77
4.21	Tembikar yang sudah siap untuk dipasarkan.	88
4.22	Tembikar yang siap dilicau	91



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kewujudan tembikar Pulau Tiga, Bota Kiri di Perak merupakan hasil seni yang mengandungi nilai estetik yang simbolik dan unik. Hasil ini mula dikomersilkan dan diketengahkan terutamanya di pusat-pusat pelancongan dan Pusat Kraftangan Malaysia dan kompleks membeli-belah. Tembikar Pulau Tiga adalah salah satu daripada hasil seni yang dinilai dari segi hasil pembuatan dan keunikan dengan menggunakan kaedah yang berbeza-beza melalui cara mengadaptasi bahan-bahan tempatan. Berbeza dengan tembikar moden yang hanya mempamerkan ciri-ciri abstrak dan kaedah-kaedah experimentasi. Ada pendapat menyatakan bahawa tembikar tradisional di Malaysia bermula dari tembikar Melayu Pulau Tiga. Hal ini disokong oleh tokoh pembuat tembikar di Pulau Tiga iaitu Hjh. Jarmiah. Tembikar Pulau Tiga ini banyak mengambil aspek budaya, sosial dan adab resam masyarakat setempat berbanding dengan tembikar moden yang hanya menggunakan motif tempatan seperti flora dan fauna.

Dalam pengkajian ini, didapati berlakunya pertembungan budaya dalam satu acuan yang menghasilkan seni tembikar kontemporari yang mengandungi penggabungan daripada pelbagai unsur. Arus kemodenan juga turut mempengaruhi identiti dalam menghasilkan sesebuah karya seni tembikar Pulau Tiga terutamanya dari segi peralatan. Secara tidak langsung mengubah teknik dan penggunaan bahan lain dalam penghasilan tembikar Pulau Tiga yang kemudiannya merubah persepsi masyarakat setempat.

Masyarakat Malaysia pada hari ini juga sudah mampu menerima kehadiran hasil seni yang mempunyai aspek-aspek formalistik dengan adanya pendedahan melalui hasil penulisan sebegini. Ia juga bertujuan mengkaji sejauhmana perkembangannya dari pelbagai sudut. Disamping membuat pemerhatian terhadap pengkajian ini, ia sedikit sebanyak memberikan kita kefahaman tentang tembikar tradisional khususnya tembikar Pulau Tiga yang bercirikan tradisional. Penggunaan tembikar ini diperluas lagi dengan adanya kerjasama dari pelbagai pihak dalam mempertingkatkan hasil senireka ini.

1.2 Latar Belakang

Fokus utama persoalan ialah tentang punca berlakunya perubahan terhadap tembikar Pulau Tiga ini samada ke arah kontemporari daripada segi bentuk, bahan, corak, gaya, penggunaan dan sebagainya. Selain itu persoalan tentang kesinambungan dari segi nilai-nilai tradisional yang lebih hampir ke arah konsep kemelayuan.

Persoalan yang menarik seterusnya adalah bagaimanakah kedudukan tembikar Pulau Tiga di Malaysia pada masa kini dan bagaimana berlakunya perubahan terhadap tembikar tersebut. Pengkajian ini lebih menarik untuk dikaji kerana ia melibatkan unsur-unsur tradisional yang banyak berkaitan dengan kebudayaan seni tembikar tradisional.

Sepertimana yang diketahui bahan dan rujukan berkaitan dengan seni tembikar ini terlalu sedikit, maka secara tidak langsung menarik minat pengkaji untuk mengkaji identiti dan unsur-unsur formalistik yang terdapat pada seni tembikar tradisional tempatan.

Pengkajian ini bertujuan memenuhi keperluan untuk dikongsi bersama generasi akan datang tentang warisan seni tembikar tradisional khusus di Pulau Tiga Bota Kiri. Selain itu dapat memelihara warisan dan identiti dalam setiap hasil tembikar Pulau Tiga yang unik yang mana tidak terdapat di negara luar lain. Ia juga bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan dalam warisan seni tembikar tempatan. Dalam kajian ini, penekanan lebih diutamakan terhadap konsep, nilai, gaya, bentuk, penggunaan, jenis dalam masyarakat tempatan dahulu dan kini.

1.3 Persoalan Kajian

Pelbagai subjek yang perlu dititikberatkan, terutamanya yang berkaitan dengan nilai, bentuk, penggunaan, bahan, jenis serta kaedah dan teknik yang perlu diketahui secara lebih mendalam. Kajian juga dibuat adalah bertujuan untuk mengetahui bagaimana perkembangan tembikar Pulau Tiga pada hari ini. Pengkajian dijalankan melalui pembacaan, kajian lapangan di kawasan pembuatan tembikar tradisional Pulau Tiga, Perak dan orang ramai.



1.4 Batasan Kajian

Fokus utama dalam batasan kajian adalah berkaitan dengan perubahan dan perbezaan tembikar Pulau Tiga dahulu dan kini. Oleh itu, kajian ini hanya tertumpu kepada perbezaan bentuk, jenis dan cara pembuatannya serta motif yang digunakan khususnya dari segi aspek nilai dan rekaan.


Kajian lapangan tentang tembikar tradisional tempatan dibuat secara temubual dengan beberapa orang penggiat tembikar tradisional tempatan di Pulau Tiga dan beberapa orang peniaga tembikar. Tujuannya adalah untuk melihat dan mengkaji proses pembuatan dan nilai komersialnya di pasaran tempatan serta sejarahnya dalam industri tembikar tempatan. Pulau Tiga terletak lebih kurang 60 kilometer ke selatan bandar Parit dan Negeri Perak. Perusahaan-perusahaan seni tembikar ini diusahakan di Kampong Baru dan Kampong Tanjung Bidara di Pulau Tiga, jauhnya hanya 1 kilometer di antara

satu sama lain.





Plan lokasi bengkil
perusahaan tembikar
Tanjung Bidara, Pulau Tiga



Rajah 1.1 : Peta Lokasi





Rajah 1.2 :
Papan Tanda Pusat Jualan
Kampung Tanjung Bidara (Labu Pulau Tiga)





1.5 Tujuan Kajian

Terdapat beberapa objektif yang diberikan penekanan dalam membentuk kajian ini. Segala komponen yang terlibat dalam pembentukan penulisan ini adalah berhubungkait dengan objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji dalam melihat perubahan-perubahan yang berlaku terhadap tembikar Pulau Tiga dahulu dan kini. Perubahan-perubahan yang berlaku dapat menerapkan nilai-nilai kreatif dan kritis masyarakat Melayu dalam menangani isu tentang budaya untuk membentuk identiti sendiri seperti pemahaman dan penghargaan terhadap perubahan sejarah, produk dan karyawan.

Penulisan ini juga, adalah untuk melihat tembikar Pulau Tiga sebagai warisan tradisi dalam masyarakat di Malaysia, yang akan menterjemahkan tentang sejarah dan kesenian terhadap perubahan-perubahan yang berlaku terhadap tembikar Pulau Tiga yang merangkumi sebab berlakunya perubahan dari segi bentuk, bahan yang digunakan serta motif iaitu berkenaan dengan pembaharuan yang berlaku. Selain itu, untuk memartabatkan hasil seni warisan yang bermutu tinggi dari segi falsafah dan estetika sekaligus dapat membuat beberapa huraian tentang keunikan tembikar Pulau Tiga dahulu dan kini, selain melihat dari sudut nilai komersialnya di dalam pasaran tempatan.





1.6 Faedah Kajian

Pengkajian ini, diharapkan dapat diguna sepenuhnya sebagai bahan dan maklumat pada masa akan datang. Selain dari itu, ia dapat membantu dari segi pemahaman dan teori-teori tentang tembikar Pulau Tiga sekali gus memberi kesedaran kepada masyarakat tentang perubahan produk warisan ini yang yang perlu dikekalkan sebagai suatu yang istimewa dan wajar dipelihara dari satu generasi ke generasi seterusnya.

Pengkajian ini juga memperlihatkan sesuatu perubahan itu ada sebabnya tersendiri. Pengkaji dapat menyelidik cara-cara perubahan yang disesuaikan dengan keadaan pada masa tersebut, sepertimana naluri manusia yang menginginkan sesuatu yang baru sesuai dengan kehendak dan perasaan tidak pernah puas dengan keinginan mereka dalam membentuk sesuatu yang baru. Dengan itu, timbul idea untuk mengubah reka bentuk atau ubahsuai sesuatu bentuk. Maka terciptalah suatu rekaan kreatif hasil ciptaan warisan tempatan seterusnya menjadi identiti negara.

Pemeliharaan dan pemuliharaan tembikar Pulau Tiga amat penting demi menjaga keunikan warisan bangsa tempatan supaya tidak ditelan arus zaman. Pameran dan seminar seharusnya memainkan peranan penting dalam menjaga identiti nilai bangsa untuk menyesuaikan sesuatu yang perlu diambil perhatian oleh masyarakat tempatan supaya dapat diperlihatkan sebagai satu identiti bangsa Malaysia. Selain dari itu, kajian ini memberikan kepuasan kepada pengkaji kerana dapat memberi sedikit sumbangan dalam mempertahankan tradisi masyarakat setempat khususnya di Kampung Tanjong Bidara, Pulau Tiga. Secara tidak langsung ianya memberi pengetahuan khusus tentang kebudayaan tempatan.





1.7 Tinjauan Pustaka

Pengkaji telah memilih beberapa buah buku sebagai rujukan dalam membantu mendapatkan maklumat dan data. Diantaranya adalah bertajuk "Masyarakat Dan Kebudayaan Malaysia" yang ditulis oleh Aziz Deraman (1975: 33) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku ini serba sedikit membantu pengkaji dalam mengumpulkan maklumat kerana ia membicarakan tentang pengertian seni sebagai sesuatu yang memberikan keindahan kepada bentuk yang hampir dengan fungsi dan sejarah budaya. Penulisan ini berkait rapat tentang tinjauan estetika, dimana tembikar Pulau Tiga memperlihatkan sesuatu yang indah bukan sahaja kepada bentuk semulajadi tetapi juga menghubungkan peranan penggiat seni tembikar di sini. Di Dalam buku ini juga mencatatkan sejarah awal yang membuktikan penciptaan karya seni adalah didorong oleh semangat sehingga menimbulkan keyakinan yang melibatkan rekacorak ke atas bentuk kraftangan, merujuk kepada seni bersifat tiga dimensi. Penulis juga mengetengahkan kreativiti setiap suku masyarakat yang terdapat di Malaysia dalam penghasilan kraf yang membentuk pelbagai unsur budaya.

Buku seterusnya adalah bertajuk "Getaran Jalur Dan Warna" yang ditulis oleh Siti Zainon Ismail (1985: 79) yang diterbitkan oleh Fajar Bakti. Buku ini membincangkan tentang nilai-nilai estetika sebagai salah satu bidang falsafah yang melihat, menikmati, menganalisis dan memperkatakan tentang keindahan yang wujud pada alam dan karya seniman. Tujuan utama buku ini ditulis adalah untuk menyingkap tirai sejarah dan berkenalan dengan beberapa pendapat tentang teori-teori keindahan yang ada di dalam bidang seni. Banyak maklumat berkaitan tentang teori didapati daripada buku ini. Ia juga menjelaskan dengan terperinci hal yang berkaitan dengan estetik tentang karya seni.





1.8 Landasan Teori

Kajian ini menggunakan pendekatan Teori Budaya, Teori Estetik, Teori Putaran dan Teori Fungsional. Pengkaji cuba mentafsirkan sebab-sebab perubahan budaya atau perubahan budaya itu berlaku terutamanya dalam reka bentuk seni yang terdapat dalam masyarakat Malaysia. Manakala melalui teori Estetik pula dapat melihat bagaimana nilai-nilai estetik mempengaruhi reka bentuk tembikar yang terdapat dalam masyarakat tempatan terutamanya dari segi bahan, motif dan bentuk.

Penjelasan tentang teori Fungsional dapat dipecahkan kepada beberapa fungsi yang lain seperti fungsi gunaan dan fungsi estetik. Fungsi fungsional, diperkenalkan oleh E. Durkheim (1972: 23). Dalam teorinya, beliau menyatakan bahawa masyarakat adalah satu dan mengkategorikan keluarga juga adalah satu. Kedua-dua masyarakat memerlukan segala kemudahan seperti kediaman, rumah, tempat ibadat, balairaya, sekolah dan sebagainya. Menurut ahli-ahli fungsionalisme, masyarakat yang wujud kini mempuyai keperluan untuk memenuhi kehendak mereka.





1.9 Metodologi Kajian

Pengkaji telah memfokuskan kaedah ini kepada reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian, menganalisis data dan pengumpulan data.

1.9.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti arus perkembangan tembikar Pulau Tiga, Parit, Perak. Kajian ini dilakukan kepada responden yang terdiri dari penduduk dan ahli keluarga Hj. Jarmiah bt. Ngah Salam. Pengkaji telah menggunakan satu set soal selidik yang diberikan kepada individu seramai 90 orang. Kajian dijalankan di sekitar Kampung Pulau Tiga, yang berdekatan dengan bengkel tembikar di Tanjung Bidara, Pulau Tiga, Parit Perak. Dapatan soal selidik ini membolehkan pengkaji mengumpul maklumat tentang suasana arus perkembangan tembikar yang terdiri dari penduduk sekitar. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah Tinjauan.

1.9.2 Sampel Kajian

Sample kajian dijalankan ke atas 90 orang responden yang terdiri dari golongan dewasa dan remaja yang berada di sekitar kawasan Kampung Tanjung Bidara Pulau Tiga, Bota, Perak. Mereka adalah yang mempunyai pengetahuan sedia ada tentang tembikar. Kesemua responden yang dipilih adalah dari masyarakat Melayu dan berlatar belakang pekerjaan sebagai petani dan buruh.





1.9.3 Instrumen Kajian

Penyelidik menggunakan satu set soal selidik yang dijalankan sebagai satu instrumen dalam proses mengenalpasti data-data yang diperolehi hasil dapatan daripada kerjasama pihak responden. Soal selidik telah dibuat oleh pengkaji sendiri setelah berbincang dengan penyelia. Item-item dalam soalan adalah dari jenis item yang mudah dijawab. Soal selidik terbahagi kepada dua iaitu bahagian A dan B. Bahagian A berkenaan dengan butiran diri dan bahagian B berkenaan persekitaran.

1.9.4 Kaedah Menganalisa Data

Bahagian ini akan membincangkan tentang dapatan yang diperolehi daripada responden melalui soal selidik yang telah diberikan. Semua soal selidik diperolehi dari tokoh, penggiat, dan penduduk. Bahagian A membincangkan tentang maklumat diri dan bahagian B adalah berkaitan persekitaran.

1.9.5 Tatacara Pengumpulan Data

Sebelum kajian dijalankan, penyelidik terlebih dahulu meminta kebenaran daripada pihak bengkel tembikar Tanjung Bidara. Kajian lebih kepada kaedah temuramah oleh orang tertentu. Kajian melibatkan respon dari penduduk sekitar Pulau Tiga. Penyelidik telah memberi tempoh masa seminggu untuk memungut semula hasil dapatan dari tokoh, penggiat dan penduduk sekitar. Responden telah memberi kerjasama yang baik walaupun jangka masa untuk mendapatkan semua soal selidik mengambil sedikit masa.





1.10 Rumusan

Persoalan kajian menyentuh tentang perubahan yang berlaku terhadap tembikar Pulau Tiga dahulu dan kini yang meliputi bentuk, jenis, bahan, motif serta nilai komersialnya dalam pasaran tampatan.

- 1.4.1 Apakah perubahan yang berlaku dahulu dan sekarang dalam kraf tembikar Pulau Tiga?
- 1.4.2 Bagaimanakah perkembangan tembikar tradisional Pulau Tiga tersebut?
- 1.4.3 Bagaimanakah penerimaan masyarakat setempat dan masyarakat luar pada masa kini?

